



06 DEC, 2023

Kutipan cukai Program VDP cecah RM 128.85 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2



Kutipan cukai Program VDP cecah RM128.85 juta

“Kerajaan telah mengumumkan Program VDP 2.0 kepada pembayar cukai dalam pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan hasil negara, memperluaskan bilangan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai.”
– Steven Sim Chee Keong

KUALA LUMPUR: Jumlah kutipan cukai daripada Program Khas Pengakuan Sukarela (VDP) 2.0 yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), mencecah RM128.85 juta setakat 31 Oktober lepas.

Timbalan Menteri Kewangan II Steven Sim Chee Keong berkata, jumlah kutipan hasil cukai langsung oleh LHDNM bagi program itu adalah sebanyak RM115.63 juta.

“Kutipan hasil cukai tidak langsung oleh JKDM sehingga 31 Oktober 2023 adalah sebanyak RM13.22 juta,” katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Negara di sini, semalam.

Beliau menjawab soalan Senator Tan Sri Low Kian Chuan mengenai jumlah terkini kutipan cukai program VDP 2.0 berkenaan.

Sim berkata kerajaan telah meng-

umumkan program VDP 2.0 kepada pembayar cukai dalam pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 sebagai salah satu inisiatif bagi meningkatkan hasil negara, memperluaskan bilangan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai.

Program itu memberi peluang kepada orang ramai untuk membayar cukai secara suka- rela tanpa sebarang penalti atau pada kadar sifar peratus bagi pengakuan sukarela dibuat dalam tempoh mulai 6 Jun 2023 hingga 31 Mei, 2024.

Menyentuh pelaksanaan Cukai Keuntungan Modal, beliau berkata hasil cukai berkenaan adalah dianggarkan RM800 juta setahun.

Anggaran jumlah kutipan hasil daripada pelaksanaan Cukai Barang Bernilai Tinggi yang sebelum ini dikenali sebagai Cukai Barangan Mewah yang juga cukai baharu, masih di peringkat simulasi.

“Pada masa ini, Kementerian Kewangan dalam peringkat akhir untuk memuktamadkan dasar serta perundangan bagi Cukai Barang Bernilai Tinggi.

“Mekanisme pelaksanaan, jenis barang dan kadar cukai bagi cukai ini akan diumumkan sebaik sahaja dimuktamadkan serta diluluskan oleh Jemaah Menteri,” katanya.

– Bernama



06 DEC, 2023

Kutipan cukai Program VDP cecah RM 128.85 juta

Utusan Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Jumlah kutipan cukai daripada Program Khas Pengakuan Sukarela (VDP) 2.0 yang dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), mencecah RM128.85 juta setakat 31 Oktober lepas. Timbalan Menteri Kewangan II Steven Sim Chee Keong berkata, jumlah kutipan hasil cukai langsun'g oleh LHDNM bagi program itu adalah sebanyak

RM115.63 juta. "Kutipan hasil cukai tidak langsung oleh JKDM sehingga 31 Oktober 2023 adalah sebanyak RM13.